

## RESEARCH ARTICLE

## Pengaruh Bahasa Ibunda dalam Penggunaan Bahasa Arab sebagai Bahasa Kedua Pelajar INSTEDT

Siti Nur Hadis A Rahman<sup>1\*</sup>, Lee Huan Yik<sup>2</sup>, Radhiahtul Raehan Mustafa<sup>1</sup> dan Siti Nurmaisarah Fkhururazi<sup>3</sup>

<sup>1</sup>Akademi Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia, 81310 Skudai, Johor, Malaysia.

<sup>2</sup>Akademi Bahasa, Universiti Teknologi Malaysia, 81310 Skudai, Johor, Malaysia.

<sup>3</sup>Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA Cawangan Johor, 85000 Segamat, Johor, Malaysia.

**ABSTRAK** – Fenomena alih kod atau pengaruh bahasa asing dalam penggunaan bahasa seharian adalah topik yang relevan dan merupakan fokus utama beberapa penyelidikan terkini. Kajian tentang isu percampuran bahasa dalam pembelajaran bahasa Arab sebagai bahasa kedua di Institut Sains dan Teknologi Darul Takzim (INSTEDT) adalah penting untuk memahami cabaran dan keperluan pelajar dalam memahami dan menggunakan bahasa Arab dengan lebih berkesan. Ini juga merupakan objektif utama kajian dan skop khususnya dalam aspek percampuran bahasa dalam penulisan mereka. Kajian ini menggunakan reka bentuk kuantitatif melalui kaedah tinjauan, di mana data primer diperoleh daripada skrip peperiksaan bertulis pelajar. Sampel kajian dipilih berdasarkan prestasi kelas yang dibahagikan kepada tiga kumpulan iaitu cemerlang, sederhana dan lemah. Instrumen kajian ini adalah set ujian bertulis merangkumi komponen soalan tatabahasa, ejaan, struktur ayat dan tanda baca. Analisis data menggunakan statistik deskriptif iaitu peratusan dan kekerapan kesalahan bahasa dihitung. Hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat empat jenis kesalahan bahasa yang dikenal pasti iaitu ejaan (24.4%), tatabahasa (49%), struktur ayat (22.2%) dan penggunaan tanda baca (4.4%). Hasil kajian ini menunjukkan tentang jenis-jenis kesalahan bahasa yang dilakukan oleh pelajar yang dipengaruhi oleh Bahasa Melayu dalam penggunaan bahasa Arab. Implikasi daripada kajian ini mencadangkan pendidik supaya mempertimbangkan pengaruh bahasa ibunda dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa kedua, serta merancang strategi pembelajaran yang sesuai untuk membantu pelajar mengatasi kesalahan bahasa.

### ARTICLE HISTORY

Received: 16 October 2023

Revised: 12 October 2024

Accepted: 11 December 2024

Published: 22 December 2024

### KATA KUNCI

Alih kod

Analisis kesalahan bahasa

Bahasa Arab

Bahasa kedua

Bahasa Melayu

Pengaruh bahasa ibunda

## *Influences of Mother Tongue on the Use of Arabic as a Second Language among INSTEDT Students*

**ABSTRACT** – Code-switching or the influence of foreign language in daily language use is a relevant topic which is also currently a main focus among scholars. Investigating the issue of mother tongue interference in Arabic language learning at the Institute of Science and Technology Darul Takzim (INSTEDT) is crucial in identifying the challenges and needs of learners in understanding and learning Arabic more effectively. This is therefore the objective of the study, which scope aiming the aspects of code-switching in writing. This study employed a quantitative survey method and applied descriptive statistical analysis. Students' written examination scripts were used as primary data for analysis. To fulfill the criteria for sampling selection, sample scripts were chosen from the excellent, average and low-performing classes. Written tests, used as instrument of the study, included items on grammar component, spelling, sentence structure and punctuation. Data analysis was conducted with the assistance of Microsoft Excel and SPSS tools. The percentage and frequency of language errors were also calculated. Results indicated that there were four identified categories of language errors, namely, grammar (49%), followed by spelling (24.4%), sentence structure (22.2%) and the use of punctuations (4.4%). The results provided a better understanding about the types of language errors committed by the students, due to the Malay language interference in the use of Arabic. As a result, language practitioners need to consider the influences of mother tongue in the teaching and learning of L2, as well as plan appropriate strategies to facilitate students in tackling language errors as identified in this study.

### KEYWORDS

Arabic

Code-switching

Language error analysis

Malay language

Mother tongue interference

Second language

## 1.0 PENGENALAN

Percampuran bahasa ialah istilah yang digunakan untuk menggambarkan amalan percampuran lebih daripada satu bahasa (Mustaffa et al., 2014). Fenomena percampuran bahasa atau pengaruh bahasa asing dalam penggunaan bahasa seharian adalah relevan dalam pelbagai konteks pembelajaran bahasa kedua (Shobehah Abd Karim et al., 2021; Tan Hua An & Tan Tiam Lai, 2021). Sebagai contoh, pengaruh bahasa Inggeris sering mempengaruhi penggunaan bahasa Melayu dalam komunikasi harian mereka. Ini merupakan cabaran yang dihadapi oleh ramai pelajar yang mempelajari bahasa kedua, terutamanya jika bahasa ibunda mereka berbeza daripada bahasa yang dipelajari.

Globalisasi dan teknologi telah membawa interaksi yang lebih besar antara individu daripada latar belakang budaya dan bahasa yang berbeza. Ini sering mengakibatkan pengaruh bahasa asing, seperti bahasa Inggeris dan bahasa Arab dalam penggunaan bahasa kedua. Pengaruh ini dapat dilihat dalam pelbagai aspek, termasuk kosa kata, tatabahasa, dan struktur ayat (Firdaus Fauzi, 2023; Hafidzoh Rahman et al., 2021; Mariaty Podungge & Alvonis Habibie, 2022; Mustofa et al., 2023; Rahmawati et al., 2022). Pengaruh bahasa asing terhadap penggunaan bahasa kedua boleh menghasilkan percampuran bahasa atau kesilapan bahasa yang mencerminkan penyesuaian bahasa terhadap perubahan persekitaran (Anne Jeffrey Kihob & Saidatul Nornis Hj. Mahali, 2020; Nazratul Aini Ramli, 2021). Dalam konteks pembelajaran bahasa Arab, pengaruh bahasa Melayu dari segi tatabahasa, struktur ayat, atau penggunaan kata mungkin berlaku disebabkan perbezaan kedua-dua bahasa tersebut. Oleh itu, dalam pengajaran dan pembelajaran, usaha untuk memahami dan mengatasi pengaruh bahasa ibunda perlu dilakukan agar pelajar dapat menguasai bahasa Arab dengan lebih baik.

Ramai pengkaji percaya bahawa bahasa pertama atau bahasa ibunda dapat mempengaruhi pengambilalihan bahasa kedua (Derakhshan & Karimi, 2015). Ini boleh berlaku kerana beberapa faktor. Aspek pemindahan bahasa merupakan faktor penting dalam pengaruh bahasa pertama terhadap bahasa kedua. Sistem bunyi, tatabahasa dan kosa kata dalam bahasa pertama boleh dipindahkan atau digunakan pada bahasa kedua, yang mana menyebabkan kesilapan atau corak bahasa yang berbeza (Khairul Nizam Mohamed Zuki, 2017; Norizan Che Su, 2018; Normila Norudin et al., 2014).

Kaedah pengajaran bahasa kedua yang berkesan mesti mengambil kira pengaruh bahasa pertama dan membantu pelajar mengatasi potensi halangan yang mungkin timbul (Hwa & Subramaniam, 2017). Persekitaran sosial juga memainkan peranan dalam mempengaruhi pemerolehan bahasa kedua. Jika individu berada dalam persekitaran di mana bahasa pertama diutamakan, mereka mungkin cenderung menggunakan bahasa pertama dengan lebih kerap walaupun semasa berkomunikasi dalam bahasa kedua.

Selain itu, faktor peribadi seperti motivasi dan keyakinan diri juga boleh mempengaruhi bagaimana seseorang itu mengamalkan bahasa kedua. Individu yang mempunyai motivasi dan keyakinan diri yang tinggi akan lebih mudah untuk mengatasi halangan bahasa pertama dan cepat mengasimilasikan bahasa kedua. Secara keseluruhannya, pemahaman tentang pengaruh bahasa pertama terhadap bahasa kedua adalah penting untuk pembelajaran bahasa kedua yang berkesan. Guru dan pelajar perlu memahami faktor-faktor ini dan mencari cara untuk mengoptimumkan pemerolehan bahasa kedua tanpa mengabaikan bahasa pertama sebagai sebahagian daripada identiti linguistik dan budaya individu. Objektif kajian ini adalah untuk:

- 1) Mengetahui jenis-jenis percampuran bahasa ibunda dalam penggunaan bahasa kedua (Bahasa Arab) oleh pelajar INSTEDT.
- 2) Menilai pengaruh percampuran bahasa ibunda (Bahasa Melayu) terhadap kesalahan-kesalahan dalam penulisan bahasa kedua pelajar.
- 3) Meneroka strategi atau pendekatan pembelajaran yang berkesan untuk mengatasi atau mengurangkan percampuran bahasa ibunda dalam pembelajaran bahasa kedua.

### 1.1 Analisis Kesalahan Bahasa


Analisis kesalahan bahasa (*language error analysis*) ialah pendekatan yang digunakan untuk menganalisis dan memahami kesilapan yang dilakukan oleh pelajar dalam menghasilkan atau menggunakan bahasa sasaran. Ini melibatkan mengenal pasti dan mengklasifikasikan kesilapan bahasa, serta menganalisis puncanya (Richards et al., 1992). Dalam analisis kesalahan bahasa secara umum, terdapat beberapa jenis kesalahan yang sering dikenal pasti dan diklasifikasikan, antaranya:

- 1) Kesalahan fonologi: Kesalahan dalam sebutan atau sebutan bunyi dalam bahasa sasaran. Contohnya, sebutan konsonan atau vokal yang tidak betul.
- 2) Kesalahan morfologi: Kesalahan dalam membentuk perkataan dengan menggunakan peraturan morfologi yang salah. Contohnya, kesilapan dalam penggunaan awalan, akhiran atau perubahan dalam bentuk perkataan.
- 3) Kesalahan sintaksis: Kesalahan dalam struktur ayat atau tatabahasa. Contohnya, kesilapan dalam penerapan peraturan tatabahasa seperti subjek-predikat, kata ganti nama, atau penggunaan bentuk kata kerja.
- 4) Kesalahan leksikal: Kesalahan dalam memilih perkataan atau kosa kata yang tidak sesuai untuk menyampaikan maksud yang dikehendaki. Contohnya, penggunaan sinonim yang tidak sesuai atau pilihan perkataan yang mempunyai pelbagai makna.
- 5) Kesalahan diskursif: Kesalahan dalam mengarang atau mengatur teks atau perbualan. Contohnya, kesilapan dalam menyambung ayat atau idea secara koheren dan kohesif.

Selain itu, dalam analisis kesalahan bahasa, adalah penting untuk mengambil kira faktor lain yang menyebabkan kesilapan, seperti pengaruh bahasa pertama, strategi pembelajaran yang digunakan, tahap kognitif atau pemahaman konsep tertentu, dan faktor sosiolinguistik. Kajian yang dijalankan oleh Moghimizadeh (2008), telah mengenal pasti jenis kesalahan yang lebih spesifik atau tertumpu kepada aspek bahasa tertentu. Analisis kesalahan bahasa memberikan wawasan tentang kesulitan yang dihadapi oleh pelajar dan membantu pengajar atau ahli bahasa dalam merancang strategi pengajaran yang lebih efektif (Karim, 2007). Rajah 1 berikut merupakan kerangka teori bagi analisis kesalahan bahasa.

### Rajah 1

Kerangka teori analisis kesalahan bahasa (Nur Eliani & Che Ibrahim, 2017)



Gangguan dari bahasa pertama atau bahasa ibunda dapat memainkan peranan penting dalam membentuk kemahiran lisan dan tulisan seorang pelajar dalam bahasa kedua (Derakhshan & Karimi, 2015). Namun gangguan bahasa pertama dapat mempengaruhi kemahiran bahasa kedua, bukanlah satu-satunya faktor yang mempengaruhi perkembangan bahasa kedua. Faktor-faktor seperti lingkungan pembelajaran, motivasi, pengalaman belajar, dan strategi pengajaran juga memainkan peranan penting dalam membentuk kemahiran bahasa kedua seseorang. Kajian tentang pengaruh bahasa Melayu sebagai bahasa ibunda ini menimbulkan kesukaran bagi pelajar terutamanya dalam memahami dan menguasai konsep pembentukan dan penstrukturan asas ayat-ayat bahasa Arab (Normila Norudin et al., 2014).

Terdapat beberapa faktor yang dapat menyebabkan kesulitan ini. Pertama, bahasa Arab mempunyai struktur yang berbeza dengan bahasa Melayu dari segi tatabahasa dan sintaksis. Bahasa Arab mempunyai pola ayat yang berbeza, dengan peraturan yang berbeza untuk penempatan perkataan. Perbezaan ini boleh mengelirukan pelajar yang mempunyai latar belakang bahasa Melayu, kerana mereka perlu membiasakan diri dengan struktur baharu dalam bahasa Arab. Bahasa Arab juga mempunyai kosa kata dan frasa simpulan bahasa yang berbeza daripada bahasa Melayu. Kosa kata dan ungkapan yang tidak diketahui atau asing bagi pelajar boleh menyukarkan pemahaman dan penggunaan bahasa Arab dengan betul. Faktor ketiga menunjukkan bahawa Bahasa Arab mempunyai bunyi dan sistem sebutan yang berbeza daripada bahasa Melayu. Pelajar yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa ibunda mereka mungkin menghadapi kesukaran untuk menyebut bunyi bahasa Arab yang tidak terdapat dalam bahasa Melayu. Ini boleh menjejaskan pemahaman dan kemahiran komunikasi lisan mereka dalam bahasa Arab. Bagi faktor terakhir, pelajar yang sudah biasa dengan struktur ayat bahasa Melayu mungkin mengalami kesukaran untuk menyesuaikan diri dengan struktur ayat bahasa Arab yang berbeza. Bahasa Melayu mempunyai pola ayat yang berbeza dengan bahasa Arab, jadi pelajar perlu mengubah cara memahami dan membina ayat dalam bahasa Arab.

Untuk mengatasi kesulitan ini, ianya penting bagi pelajar untuk memperoleh bimbingan dan pengajaran yang tepat dari pengajar yang berpengalaman dalam mengajarkan bahasa Arab kepada pelajar dengan bahasa Melayu sebagai bahasa ibunda. Kaedah pengajaran yang efektif, penekanan pada pemahaman konsep, dan latihan yang terstruktur dapat membantu pelajar mengatasi kesulitan dan menguasai konsep pembentukan dan penstrukturan asas ayat-ayat bahasa Arab (Normila Norudin et al., 2014; Norizan Che Su, 2018; Derakhshan & Karimi, 2015; Hwa & Subramaniam, 2017).

Kesulitan dalam membina ayat bahasa Arab dan kesalahan dalam memilih perkataan yang sesuai untuk pelaku kata kerja adalah masalah umum yang dihadapi oleh pelajar dalam mempelajari bahasa Arab (Samah, 2012). Bahasa Arab mempunyai struktur tatabahasa yang berbeza dengan bahasa Melayu atau bahasa ibunda pelajar. Pelajar perlu memahami pola ayat, susunan perkataan, dan binaan tatabahasa Arab yang tipikal. Sekiranya pelajar tidak memahaminya dengan baik, mereka mungkin mengalami kesukaran untuk membina ayat yang betul (Ali & Ibrahim, 2007). Selain itu, pelajar mungkin menghadapi kesukaran dalam memilih perkataan

yang sesuai untuk kata kerja dalam bahasa Arab. Kosa kata bahasa Arab yang baru dan asing bagi mereka boleh menyukarkan untuk memilih perkataan yang betul. Ini boleh mengakibatkan kesilapan dalam memilih kata kerja yang sesuai mengikut konteks ayat.

Pemahaman kosa kata yang terhad juga boleh menjadi penghalang dalam membina ayat-ayat Arab dengan betul. Jika pelajar tidak mempunyai pemahaman yang mencukupi tentang kosa kata, mereka mungkin menghadapi kesukaran memilih perkataan yang sesuai untuk kata kerja dalam ayat. Untuk membantu mengatasi kesukaran ini, adalah penting untuk melibatkan diri dalam kaedah pengajaran yang sesuai dan latihan yang berstruktur. Beberapa strategi yang boleh digunakan adalah dengan menyediakan latihan yang memfokuskan kepada pemahaman tatabahasa Arab, termasuk pola ayat, struktur tatabahasa, dan susunan perkataan yang betul. Latihan ini dapat membantu pelajar memahami dan menghayati pola ayat yang betul.

Di samping itu, guru perlu menyediakan latihan kosa kata yang berkaitan dengan tema atau konteks tertentu. Ini membantu pelajar mempelajari kosa kata yang relevan dengan konteks penggunaannya, termasuk perkataan yang sesuai untuk kata kerja. Guru perlu menggunakan Model Ayat yang betul sebagai rujukan pelajar supaya mereka dapat mengambil iktibar daripada model ayat tersebut dan menjadikannya sebagai panduan dalam membina ayat yang betul. Pelajar juga boleh berkomunikasi secara aktif dengan mengambil bahagian dalam latihan bertutur dan menulis secara aktif, di mana mereka boleh mengaplikasikan tatabahasa dan kosa kata yang telah dipelajari. Latihan berterusan akan membantu meningkatkan keupayaan mereka untuk membina ayat dengan betul (Normila Norudin et al., 2014). Selain itu, bimbingan dan maklum balas daripada guru berpengalaman juga amat berharga dalam membantu pelajar mengatasi kesukaran ini. Dengan Latihan yang konsisten dan pendekatan pembelajaran yang betul, pelajar dapat meningkatkan keupayaan mereka untuk membina ayat-ayat Arab dengan baik.

Kajian yang dijalankan oleh (Mustaffa et al., 2014) mendedahkan terdapat beberapa faktor yang memainkan peranan dalam percampuran bahasa. Faktor-faktor tersebut termasuklah tabiat dalam komunikasi seharian, penggunaan bahasa, kecenderungan menunjukkan diri, penekanan kepada nilai makna, penggunaan bahasa untuk meluahkan emosi, dan usaha meningkatkan penguasaan bahasa. Manakala menurut Muthusamy (2017) penutur yang mencampurkan bahasa seringkali melakukannya untuk menunjukkan kebolehan mereka dalam berbahasa asing. Ini boleh berlaku apabila seseorang ingin menunjukkan keupayaan mereka dalam bahasa asing kepada orang lain atau ingin menunjukkan identiti dwi atau berbilang bahasa mereka. Percampuran bahasa dalam konteks ini boleh berfungsi sebagai strategi komunikasi yang kompleks. Ini boleh mencerminkan kemahiran linguistik seseorang, seperti menguasai kosa kata, tatabahasa dan sebutan dalam bahasa asing. Percampuran bahasa juga boleh digunakan untuk mencerminkan identiti budaya atau kumpulan sosial tertentu.

Walau bagaimanapun, perlu diingat bahawa percampuran bahasa juga boleh disebabkan oleh faktor lain seperti kebiasaan dalam perbualan harian, keperluan komunikasi dalam situasi yang lebih selesa untuk menggunakan bahasa tertentu, atau pengaruh persekitaran sosial. Tidak semua percampuran bahasa hanya untuk menunjukkan kemahiran bahasa asing, tetapi ia juga boleh dipengaruhi oleh faktor kompleks lain. Adalah penting untuk memahami konteks dan niat di sebalik percampuran bahasa dalam komunikasi. Percampuran bahasa boleh menjadi alat yang berkesan untuk menyampaikan mesej dengan lebih baik, tetapi ia juga penting untuk menghormati peraturan dan konvensyen dalam setiap bahasa yang digunakan.

Dalam kajian ini, pengkaji akan membincangkan pengaruh bahasa ibunda yang mempengaruhi keupayaan pelajar membina ayat-ayat Arab yang betul. Kajian ini juga akan merangkumi beberapa cadangan untuk mengatasi masalah tersebut dan penambahbaikan dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab. Dengan menganalisis pengaruh bahasa ibunda, mengenal pasti kesukaran yang dihadapi oleh pelajar, dan menawarkan penyelesaian serta penambahbaikan dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab, kertas kerja ini boleh memberi sumbangan yang besar untuk memahami dan meningkatkan keupayaan pelajar membina ayat-ayat Arab yang betul.

## 2.0 METODOLOGI

Kajian ini menggunakan reka bentuk kuantitatif dengan analisis statistik deskriptif bagi mengkaji pengaruh bahasa ibunda terhadap penggunaan bahasa Arab sebagai bahasa kedua dalam kalangan pelajar. Kajian ini memberi fokus kepada mengenal pasti jenis-jenis kesalahan yang dilakukan oleh pelajar dalam penulisan bahasa Arab. Untuk analisis data, alat perisian seperti Microsoft Excel dan SPSS digunakan. Data yang diperolehi dianalisis dengan menggunakan statistik deskriptif, termasuk pengiraan peratusan dan kekerapan kesalahan yang dilakukan oleh pelajar dalam pelbagai kategori bahasa seperti tatabahasa, ejaan, struktur ayat, dan penggunaan tanda baca.

Instrumen kajian terdiri daripada ujian bertulis yang merangkumi beberapa komponen utama seperti tatabahasa, ejaan, struktur ayat, dan tanda baca. Soalan ujian bertulis ini disediakan untuk mengukur tahap penguasaan pelajar dalam menulis dalam bahasa Arab. Sampel kajian dipilih ( $n=30$ ) berdasarkan prestasi akademik pelajar, iaitu pelajar dari kelas cemerlang, sederhana, dan lemah. Pemilihan sampel ini bertujuan untuk mendapatkan variasi data yang lebih komprehensif dalam mengenal pasti kesalahan bahasa yang dilakukan oleh pelajar di pelbagai tahap pencapaian. Data yang pengkaji peroleh dianalisis berdasarkan Analisis kesalahan oleh Corder (1967) yang mengkaji bagaimana penggunaan bahasa ibunda boleh mengganggu pembelajaran bahasa kedua (Normila Norudin et al., 2014).

Untuk menjawab soalan kajian pertama, pengkaji mengumpul skrip peperiksaan pelajar dan menjalankan analisis dengan menandakannya secara manual untuk mengenal pasti sebarang campuran bahasa dalam teks Arab. Pengkaji menilai jenis kesalahan bahasa seperti penandaan jenis kesalahan dan tanda-tanda percampuran bahasa. Bagi menjawab soalan kajian kedua, pengkaji menggunakan sampel penulisan melalui peperiksaan bertulis dan menganalisisnya dengan membandingkannya dengan teks asli bahasa Arab. Bagi menjawab persoalan kajian ketiga iaitu meneroka strategi atau pendekatan pembelajaran yang berkesan untuk

mengatasi atau mengurangkan percampuran bahasa ibunda dalam pembelajaran bahasa kedua, pengkaji menjalankan kajian perpustakaan untuk mengumpul maklumat tentang strategi pembelajaran yang telah digunakan dalam konteks yang sama.

### 3.0 DAPATAN

#### 3.1 Jenis Percampuran Bahasa Ibunda dalam Penggunaan Bahasa Kedua (Bahasa Arab)

Secara keseluruhan, kesalahan bahasa bagi bahasa Arab dalam skrip jawapan ini boleh diklasifikasikan mengikut jenis-jenis berikut. Analisis kesalahan bahasa ini berdasarkan buku tatabahasa *Qawaid Nahwiah*. Penyelidik telah memfokuskan kesalahan mekanis seperti kesalahan penggunaan tanda baca (*punctuation*), singkatan (*contraction*), ejaan (*spelling*), penggunaan artikel, 'verb to be', kata ganti diri (*pronouns*), tanda baca (*punctuation*), 'singular-plural', pengaruh gaya dan tatabahasa bahasa Arab. Jadual 1 di bawah menunjukkan jenis kesalahan yang terdapat pada skrip jawapan responden.

**Jadual 1**

*Jenis kesalahan*

Jenis Kesalahan	Kekerapan	Peratusan
Tanda baca	2	4.4%
Kesalahan ejaan	11	24.4%
Struktur ayat	10	22.2%
Tatabahasa	22	49%
Jumlah	45	100%

Berdasarkan Jadual 1, dapatan ini menunjukkan bahawa pelajar INSTEDT yang menggunakan Bahasa Melayu sebagai bahasa ibunda mereka dalam penggunaan Bahasa Arab sebagai bahasa kedua cenderung membuat kesalahan bahasa Arab. Jenis-jenis kesalahan ini dapat diklasifikasikan dalam empat kategori utama:

- 1) Tatabahasa (49%): Kesalahan tatabahasa merupakan jenis kesalahan yang paling kerap ditemui dalam skrip jawapan pelajar. Ini mengandungi penggunaan kata kerja, kata ganti diri, struktur ayat, dan aspek tatabahasa lainnya dalam Bahasa Arab yang dipengaruhi oleh Bahasa Melayu. Kesalahan tatabahasa ini menunjukkan adanya percampuran bahasa ibunda dalam penggunaan bahasa kedua.
- 2) Kesalahan Ejaan (24.4%): Kesalahan ejaan menggambarkan ketidaksempurnaan dalam mengeja perkataan dalam Bahasa Arab. Pelajar sering kali membuat kesalahan ini kerana struktur ejaan dalam Bahasa Arab berbeza dengan Bahasa Melayu. Ini juga mencerminkan pengaruh bahasa ibunda dalam aspek mekanikal penulisan.
- 3) Struktur Ayat (22.2%): Kesalahan dalam struktur ayat termasuk susunan perkataan yang tidak betul atau penggunaan kata-kata yang tidak sesuai dalam perkataan Bahasa Arab. Ini juga mencerminkan pengaruh Bahasa Melayu dalam cara mereka membentuk ayat dalam Bahasa Arab.
- 4) Tanda Baca (4.4%): Kesalahan dalam penggunaan tanda baca seperti *punctuation* menunjukkan ketidaksempurnaan dalam aspek mekanikal penulisan. Walaupun peratusannya rendah, ia tetap mencerminkan pengaruh bahasa ibunda dalam bahasa kedua.

Secara keseluruhannya, kesalahan bahasa dalam bahasa Arab oleh pelajar ini menunjukkan percampuran bahasa ibunda mereka (Bahasa Melayu) dalam penggunaan bahasa Arab. Ini mungkin menunjukkan bahawa pengaruh bahasa Melayu mempengaruhi cara penggunaan tatabahasa, ejaan, struktur ayat dan tanda baca dalam bahasa Arab yang menjadi fokus utama dalam kajian ini.

#### 3.2 Pengaruh Percampuran Bahasa Ibunda (Bahasa Melayu) terhadap Kesalahan dalam Penulisan dan Pertuturan Bahasa Kedua Pelajar

Dapatan data menunjukkan bahawa beberapa skrip jawapan sampel yang menunjukkan terdapatnya pengaruh bahasa ibunda (bahasa Melayu) dalam penulisan ayat bahasa Arab. Hal ini disebabkan penyusunan predikat yang merujuk frasa nama adalah mengikut kebiasaan sampel. Jadual 2 menunjukkan kesalahan dalam pembinaan ayat bahasa Arab yang mempunyai gangguan bahasa ibunda.

Dalam menilai pengaruh percampuran bahasa ibunda (Bahasa Melayu) terhadap kesalahan-kesalahan dalam penulisan bahasa kedua pelajar, Jadual 2 memberikan contoh konkrit tentang bagaimana pengaruh ini ditunjukkan dalam pembinaan ayat Bahasa Arab pelajar. Berikut adalah interpretasi untuk setiap kesalahan yang terdapat dalam Jadual 2.

- 1) Kesalahan 1: Dalam ayat pertama, pelajar tidak menggunakan kata kerja (فعل) dalam ayat, aspek penting dalam Bahasa Arab. Kesalahan ini mungkin disebabkan oleh pengaruh Bahasa Melayu yang tidak memerlukan kata kerja yang sama dalam perkataan.

- 2) Kesalahan 2: Dalam ayat kedua, pelajar tidak menggunakan huruf *nida'* (يا) yang digunakan untuk memanggil seseorang dalam Bahasa Arab. Penggunaan huruf *nida'* adalah satu aspek penting dalam bahasa Arab, dan ketiadaannya mungkin disebabkan oleh perbezaan dengan Bahasa Melayu.
- 3) Kesalahan 3: Dalam ayat ketiga, pelajar keliru dalam penggunaan *dhamir* (kata ganti) yang digunakan dalam konteks orang ketiga tunggal (Salwa). Ini adalah kesalahan yang berkaitan dengan pengaruh Bahasa Melayu yang mungkin mempunyai peraturan yang berbeza dalam penggunaan kata ganti.
- 4) Kesalahan 4 dan 5: Kesalahan ini juga berkaitan dengan penggunaan yang salah dalam penggunaan *dhamir ghaib* (kata ganti orang ketiga) dalam perkataan. Pelajar menggunakan "هي" (dia) dalam konteks yang tidak sesuai. Ini adalah contoh pengaruh Bahasa Melayu yang mempengaruhi penggunaan yang tepat dalam konteks Bahasa Arab.
- 5) Kesalahan 6: Dalam ayat keenam, pelajar membuat kesalahan dengan menambah kata yang tidak diperlukan dalam ayat. Kesalahan ini mungkin disebabkan oleh pengaruh Bahasa Melayu yang menggunakan struktur ayat yang berbeza.

## Jadual 2

### Kesalahan pengaruh bahasa ibunda

Item	Contoh Kesalahan	Sebab
Pengaruh bahasa Ibunda	طالب إلى مكمل Pelajar ke makmal	Pelajar tidak menggunakan kata kerja
Ayat yang betul	يذهب طالب إلى المختبر Pelajar sedang pergi ke makmal	
Pengaruh bahasa Ibunda	أين سلوى علي؟ Dimanakah Salwa Ali?	Pelajar tidak menggunakan huruf <i>nida'</i>
Ayat yang betul	أين سلوى يا علي؟ Dimanakah Salwa wahai Ali?	
Pengaruh bahasa Ibunda	سلوى تشرب حليب Salwa minum susu	Pelajar keliru dengan penggunaan <i>dhamir</i> , mungkin kerana terpengaruh dengan bahasa ibunda
Ayat yang betul	سلوى تشرب الحليب Salwa minum susu	
Pengaruh bahasa Ibunda	طالبة هي سلوى في المدرسة Pelajar ialah Salwa di sekolah	Pelajar keliru dari segi penggunaan <i>dhamir ghaib</i> (هي)
Ayat yang betul	سلوى طالبة في المدرسة Salwa adalah pelajar di sekolah	
Pengaruh bahasa Ibunda	طالب هو أبو بكر في المدرسة Pelajar adalah Abu Bakar di sekolah	Pelajar keliru dari segi penggunaan <i>dhamir ghaib</i> (هو)
Ayat yang betul	أبو بكر طالب في المدرسة Abu Bakar adalah pelajar di sekolah	
Pengaruh bahasa Ibunda	هي عمل في طالبة Dia beramal di pelajar	Pelajar keliru dengan penggunaan <i>dhamir</i>
Ayat yang betul	هي طالبة Dia adalah pelajar	

Secara keseluruhan, kesalahan-kesalahan dalam penulisan ayat bahasa Arab ini menunjukkan pengaruh Bahasa Melayu yang mempengaruhi pemahaman pelajar dalam penggunaan kata kerja, kata ganti, huruf *nida'*, dan struktur ayat dalam Bahasa Arab. Ini merupakan contoh konkrit bagaimana percampuran bahasa ibunda dapat memberi kesan terhadap penulisan dan pertuturan dalam bahasa kedua pelajar.

### 3.3 Strategi dan Pendekatan Pembelajaran yang Berkesan untuk Mengatasi Percampuran Bahasa Ibunda dalam Pembelajaran Bahasa Kedua

Untuk mengatasi atau mengurangkan percampuran bahasa ibunda dalam pembelajaran bahasa kedua, terdapat beberapa strategi dan pendekatan pembelajaran yang berkesan yang boleh digunakan. Salah satu pendekatan terbaik adalah memberikan peluang kepada pelajar untuk berada dalam persekitaran di mana bahasa Arab digunakan secara meluas (Mohamad Ziyad Mukhtar & Saini AG. Damit, 2017). Dengan mengadakan kelas-kelas berbahasa Arab yang melibatkan penutur asli atau pelajar yang fasih dalam bahasa Arab, pelajar akan mendapat peluang yang lebih besar untuk berinteraksi dalam bahasa tersebut dalam situasi sebenar. Pendekatan ini membolehkan pelajar mendengar, memahami, dan menggunakan bahasa Arab dalam konteks sebenar. Selain itu mereka dapat memperbaiki pengucapan dan intonasi bahasa Arab mereka, serta merasai keadaan di mana bahasa Arab digunakan dalam kehidupan seharian. Dengan pengalaman ini, pelajar akan lebih yakin dan terbiasa dalam menggunakan bahasa Arab dalam

pelbagai situasi, yang pada gilirannya akan membantu mengurangkan percampuran bahasa Ibunda mereka dan meningkatkan kemahiran bahasa Arab mereka secara keseluruhan.

Penggunaan sumber bacaan, teks, dan media dalam bahasa Arab adalah satu lagi pendekatan yang sangat penting dalam pembelajaran bahasa kedua (Haq, 2023; Norul 'Azmi & Zakaria, 2022; Ulhaq & Lubis, 2023). Manfaat utama penggunaan sumber bacaan dan teks dalam bahasa Arab ialah memperkaya Kosa Kata, memahami struktur ayat, meningkatkan pemahaman bacaan, terdedah dengan budaya Arab, dan mahir dalam komunikasi Bahasa Arab. Pentingnya pemilihan sumber bacaan yang sesuai dengan tahap kebolehan pelajar juga ditekankan. Guru harus memilih teks yang sesuai dengan tahap pemahaman pelajar supaya mereka tidak terlalu terbantut atau terlalu sukar untuk difahami. Dengan cara ini, penggunaan sumber bacaan, teks, dan media dalam bahasa Arab dapat menjadi alat yang berkesan dalam meningkatkan kemahiran berbahasa Arab pelajar.

Kursus tatabahasa bahasa Arab adalah pendekatan yang sangat berkesan untuk membantu pelajar memahami struktur ayat dan peraturan tatabahasa dalam bahasa Arab (Zalika Adam et al., 2022; Mohamad et al., 2022). Guru boleh menjalankan latihan-latihan tatabahasa yang berfokus pada perbezaan antara bahasa Arab dan Bahasa Melayu. Dengan mengambil kursus ini, pelajar dapat mengembangkan kemahiran dalam penggunaan bahasa Arab dengan lebih tepat. Pelajar akan mempelajari bagaimana ayat-ayat dalam bahasa Arab dibina, termasuk susunan kata dan peraturan tatabahasa yang berkaitan. Dengan memahami tatabahasa, pelajar akan dapat menulis ayat-ayat bahasa Arab dengan lebih lancar dan tepat.

Pelajar yang mengambil kursus tatabahasa bahasa Arab akan mendapatkan pemahaman yang lebih baik terhadap perbezaan antara bahasa Arab dan Bahasa Melayu, yang merupakan faktor penting dalam mengatasi percampuran bahasa. Selain itu, kursus ini juga membantu meningkatkan kemahiran berbicara pelajar dengan lebih yakin dan tepat. Pemahaman yang mendalam tentang tatabahasa juga memungkinkan pelajar untuk menganalisis teks-teks bahasa Arab dengan lebih baik, yang secara signifikan memperbaiki pemahaman mereka terhadap bacaan dan tafsiran teks. Guru yang mengajar kursus tatabahasa bahasa Arab boleh merancang latihan-latihan khusus yang menekankan peraturan tatabahasa tertentu yang sering menjadi punca kesalahan dalam penulisan dan pertuturan bahasa Arab pelajar. Dengan cara ini, kursus ini akan memberikan manfaat yang besar dalam mengatasi percampuran bahasa dan meningkatkan penguasaan bahasa Arab pelajar.

Sesi perbincangan dalam bahasa Arab merupakan pendekatan yang berkesan untuk memudahkan interaksi dan komunikasi dalam bahasa tersebut (Nor Azhan Norul Azmi & Noor Shamshinar Zakaria, 2019; Nurul Izzati Ahmad Radzi et al., 2021). Dalam sesi perbualan, guru boleh menyederhanakan dialog mengenai topik yang berkaitan, yang membantu meningkatkan kecekapan bertutur pelajar. Selain itu, penggunaan sumber dalam talian seperti aplikasi pembelajaran bahasa Arab, video pembelajaran dan perisian tatabahasa juga boleh memberi peluang kepada pelajar untuk mempraktikkan dan memahami bahasa Arab dengan lebih mendalam. Terdapat banyak sumber dalam talian yang telah direka khusus untuk pembelajaran bahasa Arab, yang boleh memberikan faedah tambahan untuk meningkatkan penguasaan bahasa Arab pelajar (Amiruddin et al., 2021; Yazid et al., 2022).

Melalui penggabungan pendekatan ini dalam pembelajaran bahasa Arab, pelajar dapat meningkatkan kemahiran berbahasa Arab mereka secara keseluruhan dan mengatasi percampuran bahasa ibunda dengan lebih efektif. Ini akan membantu mereka memahami, menggunakan, dan menguasai bahasa Arab dengan lebih yakin, membuka pintu kepada pemahaman mendalam tentang budaya Arab, dan memenuhi keperluan mereka dalam bidang kajian Islam serta sumber-sumber utama yang ditulis dalam bahasa Arab.

#### 4.0 PERBINCANGAN

Dapatan kajian menunjukkan bahawa penggunaan Bahasa Melayu sebagai bahasa ibunda oleh pelajar di INSTEDT mempengaruhi penggunaan Bahasa Arab sebagai bahasa kedua. Jenis-jenis kesalahan bahasa yang sering ditemui termasuk kesalahan tatabahasa, ejaan, struktur ayat, dan penggunaan tanda baca. Hal ini mencerminkan adanya percampuran bahasa Ibunda dalam penggunaan Bahasa Arab oleh pelajar. Pendekatan-pendekatan yang disarankan dalam mengatasi atau mengurangkan percampuran bahasa Ibunda ini adalah sangat relevan digunakan (Mualimin & Amar, 2019; Nasohah et al., 2015). Penggunaan Bahasa Arab dalam persekitaran sebenar, penggunaan sumber bacaan dan teks dalam Bahasa Arab, kursus tatabahasa Bahasa Arab, sesi perbincangan dalam Bahasa Arab, dan penggunaan sumber dalam talian adalah pendekatan yang berkesan untuk membantu pelajar memahami, menguasai, dan menggunakan Bahasa Arab dengan lebih baik.

Selain daripada pendekatan-pendekatan tersebut, penting juga untuk memberikan penekanan kepada kesedaran dan pemahaman pelajar mengenai perbezaan antara Bahasa Arab dan Bahasa Melayu. Ini akan membantu mereka mengenal pasti pelbagai jenis kesalahan yang mungkin timbul disebabkan oleh pengaruh Bahasa Melayu. Melalui pendidikan yang berterusan dan latihan yang sesuai, pelajar dapat memperbaiki kemahiran mereka dalam menggunakan Bahasa Arab dengan lebih tepat. Penting juga untuk menyedari bahawa proses pembelajaran bahasa kedua adalah satu usaha yang berterusan, dan kesalahan adalah sebahagian daripadanya. Oleh itu, guru perlu memberikan sokongan dan bimbingan kepada pelajar dalam usaha mereka untuk mengatasi percampuran bahasa Ibunda. Ini termasuk memberikan maklum balas konstruktif dan latihan-latihan yang difokuskan pada aspek-aspek di mana pelajar sering membuat kesalahan.

Pendekatan-pendekatan ini boleh membantu pelajar di INSTEDT untuk meningkatkan penguasaan Bahasa Arab mereka, yang merupakan kemahiran yang sangat penting dalam bidang kajian Islam dan pemahaman sumber-sumber utama yang ditulis dalam Bahasa Arab. Selain itu, pemahaman Bahasa Arab yang lebih baik juga akan membuka pintu kepada pemahaman mendalam tentang budaya Arab secara keseluruhan.



## 5.0 KESIMPULAN

Hasil kajian ini memberikan pemahaman yang lebih baik tentang jenis-jenis kesalahan bahasa yang dilakukan oleh pelajar yang dipengaruhi oleh Bahasa Melayu dalam penggunaan Bahasa Arab. Ia juga menyoroti pentingnya mengenalpasti pengaruh bahasa ibunda dalam pembelajaran bahasa kedua dan mencari strategi pembelajaran yang sesuai untuk mengatasi masalah tersebut seperti menciptakan lingkungan belajar yang memudahkan penggunaan bahasa Arab, seperti kelas interaktif, kelompok belajar, atau program bahasa Arab yang intensif. Ini akan memberikan peluang yang lebih banyak bagi pelajar untuk berlatih dan berkomunikasi dalam bahasa Arab. Selain itu, mendorong pelajar untuk mencari pendedahan bahasa Arab yang lebih aktif, seperti melalui membaca bahan pembelajaran dalam bahasa Arab, menonton filem atau siaran televisyen berbahasa Arab, atau menggunakan sumber daya secara atas talian yang tersedia untuk mendedahkan mereka terhadap bahasa dan budaya Arab.

Tambahan lagi penggunaan teknologi perlu dimanfaatkan seperti aplikasi pembelajaran bahasa Arab, platform belajar melalui internet, atau sumber daya multimedia interaktif yang dapat membantu pelajar berlatih dan meningkatkan kemampuan bahasa Arab mereka (Elyıldırım, 2022). Kerjasama dengan penutur asli Bahasa Arab untuk membina perkongsian dengan komuniti atau institusi penutur asli bahasa Arab yang menyediakan program pertukaran pelajar atau program kebudayaan yang membolehkan pelajar Melayu berinteraksi dengan penutur asli bahasa Arab dan memperoleh pengalaman pembelajaran yang menyenangkan. Dengan pendekatan yang betul dan usaha yang konsisten, pelajar Melayu dapat mengatasi kesukaran mempelajari bahasa Arab sebagai bahasa kedua dan memperoleh kemahiran yang mantap dalam membaca, menulis, bertutur dan memahami bahasa Arab dengan berkesan. Implikasi kajian ini ialah para pendidik perlu mempertimbangkan pengaruh bahasa ibunda dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa kedua, dan mereka bentuk strategi pembelajaran yang sesuai untuk membantu pelajar mengatasi kesilapan bahasa tersebut.

## PENGHARGAAN

Kajian ini tidak dibiayai oleh sebarang geran daripada mana-mana sektor.

## KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis mengisytiharkan tiada konflik kepentingan.

## SUMBANGAN PENULIS

Siti Nur Hadis A Rahman (*Conceptualisation; Methodology; Validation; Data curation; Formal analysis; Investigation; Writing; Project administration; Supervision*)

Lee Huan Yik (*Conceptualisation; Methodology; Validation; Data curation; Formal analysis; Investigation; Writing; Project administration; Supervision*)

Radhiahtul Raehan Mustafa (*Conceptualisation; Methodology; Validation; Formal analysis; Investigation; Writing*)

Siti Nurmaisarah Fkhurazi (*Conceptualisation; Methodology; Validation; Formal analysis; Investigation; Writing*)

## RUJUKAN

- Ali, M. M., & Ibrahim, M. (2007). Tahlil Akhta' Lughawiyah Lada Tullab Wa Talibat Jamiah Ulum Islamiyyah (USIM). *Prosiding Seminar Islamiyyah Lughah Wa Adab Fi Bina Hadhari Li Ummah Islamiyyah*. Universiti Islam Antarabangsa, 359–376.
- Amiruddin, A. Z., Malaysia, U., Zulazhan, K., Halim, A., Sultan, U., Abidin, Z., & Zainuddin, N. (2021). Teoritis Reka Bentuk dan Pembangunan Kursus Bahasa Arab Dalam Talian. *INSANIAH: Online Journal of Language, Communication, and Humanities*, 4(1), 1-13.
- Anne Jeffrey Kihob, & Saidatul Nornis Hj. Mahali. (2020). Keracunan Bahasa dalam Karangan Murid Sekolah Menengah di Daerah Tuaran, Sabah. *MANU Jurnal Pusat Penataran Ilmu Dan Bahasa (PPIB)*, 97-132. <https://doi.org/10.51200/manu.vi.2633>
- Corder, S. P. (1967). The Significance of Learners Errors dlm. Jack C. Richards (Ed)., *Error Analysis: Perspectives on Second Language Acquisition*. Longman.
- Derakhshan, A., & Karimi, E. (2015). The Interference of First Language and Second Language Acquisition. *Theory and Practice in Language Studies*, 5(10), 2112–2117. <https://doi.org/10.17507/tpls.0510.19>
- Elyıldırım, S. (2022). Information and Communication Technology Literacy in Language Teaching and Learning. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics*, 11(2), 1–5. <https://doi.org/10.15282/ijleal.v11i2.7302>
- Firdaus Fauzi. (2023). Analisis Kesalahan Penggunaan Bahasa Arab dalam Keterampilan Berbicara Sehari-hari di Pondok Pesantren Modern Al-Barokah Simalungun. *Journal of Teacher Education*, 4(4), 483–492.
- Hafidzoh Rahman, N., Mayasari, A., Arifudin, O., & Wahyu Ningsih, I. (2021). Pengaruh Media Flashcard Dalam Meningkatkan Daya Ingat Siswa Pada Materi Mufrodat Bahasa Arab. *Jurnal Tahsinia*, 2(2), 99–106. <https://doi.org/10.57171/jt.v2i2.296>
- Haq, S. (2023). Pembelajaran Bahasa Arab di Era Digital: Problematika dan Solusi dalam Pengembangan Media. *MUKADIMAH: Jurnal Pendidikan, Sejarah, Dan Ilmu-Ilmu Sosial*, 7(1), 211–222. <https://doi.org/10.30743/mkd.v7i1.6937>



- Hwa, O., & Subramaniam, V. (2017). Faktor Timbulnya Pengaruh Bahasa Pertama Dalam Mempelajari Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Kedua. *Ulum Islamiyyah. The Malaysian Journal of Islamic Sciences*, 20(March), 35–45. <https://doi.org/10.33102/ujj.vol20no0.39>
- Karim, A. H. (2007). Analisis Kontrasif dan Analisis Kesalahan Bahasa: Antara Hipotesis dan Realiti. *Prosiding Seminar Tahunan Jabatan Bahasa Melayu Dan Linguistik II (SETALING)*, 2, 212-225.
- Khairul Nizam Mohamed Zuki. (2017). Penerimaan Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Kedua Dalam Kalangan Murid Berbangsa Bajau. *International Journal of Humanities and Social Science Invention*, 6(10), 1–11.
- Mariaty Podungge, & Alvonis Habibie. (2022). Peran Bagian Bahasa Dalam Meningkatkan Kemampuan Berbicara Bahasa Arab dan Bahasa Inggris Santriwati Pesantren Hubulo. *Jurnal Eduscience (JES)*, 9(3), 602–614.
- Mohamad, I., Farhana, N. A., Kamarul, M., & Sarkam, A. M. (2022). Persepsi Pelajar Terhadap Penggunaan Peta Asas Tatabahasa (PAT) untuk Pengajaran Kemahiran Membaca Teks Bahasa Arab. *14th International Conference in Humanities and Social Sciences, 14th ICHiSS 2022*, 193–199. <https://www.researchgate.net/publication/368652349>
- Mohamad Ziyad Mukhtar, & Saini AG. Damit. (2017). Aplikasi Lughat al-Fasl dalam Pengajaran Bahasa Arab Using Lughat al-Fasl in Teaching Arabic Language. *MANU Jurnal Pusat Penataran Ilmu Dan Bahasa (PPIB)*, Dis, 153–183. <https://doi.org/10.51200/manu.v0i0.1066>
- Moghimizadeh, R.P. (2008). *The study of syntactic avoidance on the written production of Persian university students majoring in teaching English as a foreign language* (Unpublished PhD dissertation). Universiti Sains Malaysia, Pinang, Malaysia
- Mualimin Mochammad Sahid & Amar Fettane. (2019). Kemahiran Bahasa Arab: Penanda Aras Agenda Integrasi Ilmu Naqli dan Aqli. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 4(29), 12-23.
- Mustaffa, S. R., Masittah, R., Ariffin, R., & Said, N. S. (2014). Kekeliruan jati diri punca bahasa bercampur aduk. *Jurnal Bahasa*, 14(1), 135–158.
- Mustofa, A., Priawasana, E., & Kustiyowati, K. (2023). Pengaruh Metode Problem Based Learning Dan Penggunaan Buku Teks Untuk Peningkatan Kemampuan Kosakata Bahasa Inggris Bagi Siswa Kelas VIII Di Smpn 1 Genteng. *Jurnal Darussalam: Jurnal Pendidikan, Komunikasi dan Pemikiran Hukum Islam*, 15(1), 50-61. <https://doi.org/10.30739/darussalam.v15i1.2459>
- Muthusamy, P. (2017). Komunikasi Percampuran Kod Dalam Masyarakat. *Journal of Business and Social Development*, 5(1), 36–48.
- Nasohah, U. N., Ghani, M. I. A., & Shaid, N. M. S. (2015). Model Addie Dalam Proses Reka Bentuk Modul Pengajaran: Bahasa Arab Tujuan Khas Di Universiti. *Proceedings of the International Seminar on Language Teaching ISeLT 2015*, February.
- Nazratul Aini Ramli. (2021). Faktor Kesukaran Pelajar Melayu dalam Mengenalpasti Bunyi Huruf-huruf Arab. *E-Jurnal Bahasa Dan Linguistik (e-JBL)*, 3(1), 31–42. <https://doi.org/10.53840/ejbl.v3i1.54>
- Nor Azhan Norul 'Azmi, & Noor Shamshinar Zakaria. (2019). Isu pelaksanaan komunikasi bukan lisan dalam pengajaran bahasa Arab melalui atas talian. *Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 4(2), 110-124. <https://doi.org/10.53840/alirsyad.v4i2.60>
- Norul 'Azmi, N. A., & Zakaria, N. S. (2022). Arabic teaching and learning strategies through SMALL: Challenges and importance during COVID-19. *ATTARBAWIY: Malaysian Online Journal of Education*, 6(1), 1–14. <https://doi.org/10.53840/attarbawiy.v6i1.8>
- Norizan Che Su. (2018). Pengaruh Bahasa Ibunda Terhadap Pembinaan Struktur Ayat Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Asing. *Jurnal Linguistik*, 22(2), 10–19.
- Normila Norudin, Nik Murshidah Nik Din, Raja Hazirah Raja Sulaiman, & Zaiton Mustafa. (2014). Pengaruh Bahasa Ibunda Terhadap Pembinaan Struktur Ayat Bahasa Arab Dalam Kalangan Pelajar Unisza. *Prosiding Seminar Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab 2014, 2007*, 1–10.
- Nur Eliani Husaini dan Che Ibrahim Salleh. (2017) *Kesalahan tatabahasa Melayu dalam pembelajaran bahasa kedua*. *Pertanika MAHAWANGSA*, 4 (2). pp. 273-284. ISSN 2289-7259.
- Nurul Izzati Ahmad Radzi, Harun Baharudin, Mohd Khalid Mohamad Nasir. (2021). Strategi kemahiran komunikasi dalam pengajaran Bahasa Arab. *International Journal of Advanced Research in Islamic Studies and Education*, 1(3), 48-56.
- Rahmawati, Sri Mulya, Kamaluddin Abunawas, & Muhammad Yusuf. (2022). Peran Bi'ah Lughawiyah Dalam Menunjang Pembelajaran Bahasa Arab Di Pondok Pesantren Darul Huffadh Tuju-Tuju Kab.Bone. *Jurnal Inspiratif Pendidikan*, 11(1), 123–140. <https://doi.org/10.24252/ip.v11i1.29670>
- Richards, J. C., Platt, J.T., Weber, H. & C. C. N. (1992). *Longman Dictionary of Applied Linguistics*. Longman.
- Samah, R. (2012). Pembinaan Ayat Bahasa Arab Dalam kdlangan Lepas Sekolah Menengah Agama. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 12(2), 555-569.
- Shobehah Abd Karim, Subramaniam, V., Hazlina Abdul Halim, & Zuraini Jusoh. (2021). Analisis Kesilapan Penulisan Ayat Mudah Bahasa Perancis Dalam Kalangan Pelajar Bahasa Perancis Sebagai Bahasa Asing. *E-Jurnal Bahasa Dan Linguistik*, 3(1), 56–73. <https://doi.org/10.53840/ejbl.v3i1.57>
- Tan Hua An, & Tan Tiam Lai. (2021). Sikap dan Persepsi Pelajar Terhadap Pembelajaran Bahasa Mandarin Sebagai Bahasa Asing di Universiti Teknikal. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 450–460.
- Ulhaq, N., & Lubis, L. (2023). Penyusunan Materi Ajar dalam Rangka Meningkatkan Keterampilan Berbicara Bahasa Arab pada Siswa. *Journal of Education Research*, 4(3), 1202-1211. <https://doi.org/10.37985/jer.v4i3.361>

- Yazid, M. T. M., Sulong, W. M. W., Mustapha, N. F., & Jabar, M. A. A. (2022). The Techniques of Non-Muslim Students in Learning Arabic Speaking Skills Online. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 22(4), 327–350. <https://doi.org/10.17576/gema-2022-2204-19>
- Zalika Adam, Wan Azura Wan Ahmad, Tg Ainul Farha Tg Abdul Rahman. (2022). Pengalaman Baharu Pelajar Melalui Kursus Latihan Industri di Negara Brunei: Satu Tinjauan. *E-Prosiding Seminar Pengantarabangsaan Pengajian Tinggi 2022 (SPPT 2022): Anjuran Bersama: Bahagian Education Malaysia dan USIM Alamiyyah*.